

NOTA MAKLUMAN AWAL

MENGENAI KES KEBAKARAN HUTAN BELUKAR DI KG. BATU 7, MUKIM BALAI BESAR, DAERAH DUNGUN TERENGGANU DARUL IMAN

PADA 24 APRIL 2016

TUJUAN

Nota Makluman ini adalah untuk memaklumkan hasil siasatan ke atas kes kebakaran hutan belukar di Kg. Batu 7, Mukim Dungun, Terengganu Darul Iman yang dikesan oleh pasukan peronda JAS Negeri Terengganu pada 24 April 2016 semasa melakukan Rondaan Darat, Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT).

LATARBELAKANG

2. Lokasi kebakaran hutan belukar ini adalah di kedudukan Long.: 103.3995° dan Lat.: 4.7282°. Kawasan hutan belukar yang terbakar ini berstatus tiada pemilikan serta jauh daripada kawasan kediaman penduduk. Siasatan awal mendapati lokasi kebakaran ini adalah **bertanah gambut**.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

3. Daripada pemerhatian yang dilakukan, terdapat beberapa tempat yang berasap dengan agak ketara (**rujuk Lampiran 1 Gambarfoto 1 dan 2**) dan **tiada kediaman** berhampiran dengan lokasi kebakaran. Luas kawasan yang terjejas dianggarkan lebih kurang 5.22 hektar.

4. Keseluruhan kawasan yang diperhatikan masih dalam keadaan terkawal. Pemerhatian awal turut mendapati terdapat perintang kebakaran (*fire break*) yang dibina oleh pihak bomba bagi menghadang kebakaran dari terus merebak. (**rujuk Lampiran 1 Gambarfoto 3**). Tiada sebarang penemuan atau maklumat yang boleh mengaitkan kejadian kebakaran belukar ini dilakukan bagi tujuan pembukaan tanah secara besar-besaran sama ada bagi kegunaan pertanian mahupun projek pembangunan oleh mana-mana individu atau syarikat.

5. Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu (Balai Dungun) telah dimaklumkan mengenai kebakaran ini dan telah pun membuka Pusat Kawalan Bomba (PKB) di kawasan ini.

6. Siasatan lanjut yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu mengenai faktor geografi kawasan berkenaan dan juga maklumat-maklumat daripada siasatan di lapangan adalah seperti berikut:-

6.1 **Semakan Portal GIS**

Dari aspek guna tanah, kawasan yang terjejas diklasifikasikan sebagai kawasan hutan belukar dan juga kawasan pertanian (jenis kelapa sawit – 2008). Semakan yang dibuat melalui data di dalam portal GIS turut mendapati kawasan yang terjejas adalah **bertanah gambut**. Dari aspek hidrologi, didapati **terdapat** alur air berhampiran lebih kurang 300m daripada kawasan terjejas. Lokasi kebakaran juga **tidak mempunyai nombor lot**.

6.2 **Siasatan pada 24 April 2016**

- (i) Tiada maklumat atau bukti yang menunjukkan kawasan yang terbakar adalah untuk dibangunkan bagi kegunaan pertanian atau kawasan kediaman kerana **kedudukannya yang agak terpencil dan jauh dari lokasi berpenghuni (0.82km)**.
- (ii) Kejadian kebakaran hutan belukar ini **berpotensi untuk merebak kerana keadaan angin yang kuat ketika ini dengan cuaca panas dan kering**. Operasi pemadaman dapat dijalankan dengan menggunakan sumber air dari *water tanker* dan *hidro sub* (pam berkapasiti tinggi) untuk mengepam air daripada parit utama yang terletak jauh daripada lokasi kebakaran (**Lampiran 1 Gambarfoto 4**).

- (iii) Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu (Balai Dungun) menjalankan kerja-kerja pemadaman dengan kekuatan anggota seramai 40 orang. Kerja-kerja pemadaman masih dijalankan sehingga petang tadi dan pemadaman hanya dijalankan pada waktu siang sahaja.

TINDAKAN-TINDAKAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI TERENGGANU

7. **Meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan** di lokasi kawasan yang terlibat bagi memastikan tiada aktiviti pembakaran terbuka dilakukan oleh mana-mana individu seperti yang termaktub di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Perintah-Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003.

8. Mengenalpasti individu atau pihak yang bertanggungjawab (pemunya) terhadap kawasan hutan belukar yang terbakar untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengekang daripada kejadian kebakaran ini berulang.

PENUTUP

Adalah dipohon mengambil maklum mengenai hasil siasatan ke atas kejadian kebakaran hutan belukar di Kg. Batu 7, Mukim Dungun, Terengganu Darul Iman yang dikesan oleh pasukan peronda JAS Negeri Terengganu semasa Rondaan Darat pada 24 April 2016.

**Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu
24 April 2016**





GAMBARFOTO 1: SEBAHAGIAN KAWASAN HUTAN BELUKAR YANG TERBAKAR DENGAN ASAP YANG SEMAKIN BERKURANGAN (DIRAKAM PADA 24/04/2016)



GAMBARFOTO 2: SEBAHAGIAN KAWASAN HUTAN BELUKAR YANG TERBAKAR DENGAN ASAP YANG SEMAKIN BERKURANGAN (DIRAKAM PADA 24/04/2016)



GAMBARFOTO 3: FIREBREAK YANG DIBINA DARIPADA PARIT JEJARI SEDIAADA YANG BOLEH DIGUNAKAN OLEH PIHAK BOMBA UNTUK OPERASI PEMADAMAN (DIRAKAM PADA 24/04/2016)



GAMBARFOTO 4: KELIHATAN PAM BERKAPASITI TINGGI YANG DIGUNAKAN OLEH ANGGOTA BOMBA UNTUK MENGAWAL DAN MEMADAM KEBAKARAN HUTAN BELUKAR YANG BERLAKU (DIRAKAM PADA 24/04/2016)